

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman
[Tanjung Manis]**

TARIKH : 10.06.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 116

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah status kelulusan cadangan membina Jalan Kampung Penuai ke feri 'point' Sungai Nai di Pulau Bruit, Sarawak memandangkan jalan ini amat mustahak untuk kegunaan rakyat dari 13 kampung di Pulau Bruit, Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembinaan Jalan Kampung Penuai ke Feri 'Point' Sungai Nai di Pulau Br uit, Sarawak adalah dipohon untuk dilaksanakan di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) Tahun 2015. Walaubagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).